

## SEJARAH DAN STRUKTUR MASYARAKAT TRADISIONAL BRUNEI

MOHD YUSOP DAMIT

### ABSTRAK

Artikel ini membicarakan sejarah dan struktur masyarakat Brunei sebelum abad ke-20. Masyarakat Brunei tradisional terdiri dari dua golongan, iaitu golongan bangsawan atau diraja sebagai lapisan atas dan golongan rakyat, lapisan bawah. Kumpulan bangsawan adalah terdiri dari puak Brunei yang dipercayai berhijrah dari Funan atau Srivijaya dan menubuhkan kerajaan Brunei. Golongan rakyat terdiri dari puak asli yang diperintah oleh puak Brunei. Kedua-dua golongan tersebut terbahagi kepada beberapa susun lapis mengikut keutamaan masing-masing. Golongan bangsawan terdiri dari Pengiran bertaras dan Pengiran kebanyakan. Pengiran bertaras terdiri dari keluarga diraja yang memerintah dan pengiran kebanyakan pula adalah terdiri dari keturunan diraja pada masa lalu. Sementara golongan rakyat juga mempunyai susun lapis tersendiri. Lapisan paling atas bagi golongan ini adalah aristokrat, lapisan kedua adalah rakyat biasa dan paling bawah ulun atau hamba. Selain itu seluruh rakyat terbahagi pula kepada lima golongan, iaitu hamba Raja, hamba Pengiran Bendahara, hamba Pengiran Digadong, hamba Pengiran Temenggong dan hamba Pengiran Pemanca. Tiap-tiap golongan tersebut di atas mempunyai tugas dan peranan tertentu dalam masyarakat.

### ABSTRACT

This article discusses briefly the history and structure of Brunei society before the 20th century. Brunei society was divided into two groups, the nobility in the upper stratum and the subjects in the lower stratum. The nobility were ethnically Bruneis who were believed to have migrated from Funan Kingdom or Srivijayan Kingdom, and they founded the Brunei kingdom. The subjects were the indigenous people who were colonised by the Bruneis. Each of the two groups was further subdivided into several strata according to their importance. The nobility consisted of the core nobility, who were the close family members of the ruling raja, and the common nobility, who were descendants of past rulers. The subjects were divided into the aristocracy, commoners and the slaves. Meanwhile the whole society was further divided vertically into five groups: the followers of the raja, the followers of the Pengiran Bendahara, the followers of the Pengiran Digadong, the followers of Pengiran Temenggong and the followers of Pengiran Pemanca. Their function was to serve their masters.

### PENGENALAN

Agak sukar untuk mengenal pasti dengan jelas rupa bentuk atau struktur masyarakat Brunei pada zaman silam kerana kekurangan sumber sejarah yang dapat memberikan maklumat yang muktamad dan lengkap tentang perkara tersebut. Beberapa sumber yang ada setakat ini kebanyakannya berupa catatan ringkas dari pengembara-pengembara asing yang pernah singgah ke Brunei pada suatu masa dahulu.

Sumber tempatan juga tidak selalu lebih baik dari sumber luar. Sumber bertulis yang mengandungi sejumlah maklumat mengenai masyarakat Brunei pada zaman silam ialah *Silsilah Raja-Raja Berunai (SRB)* yang mula ditulis oleh Dato Imam Ya'qub pada tahun 1735 Masihi. Karya dalam tulisan Jawi ini, kemudiannya disalin dan disambung oleh beberapa orang penulis yang akhirnya menghasilkan berbagai-versi SRB. Sehingga kini hanya dua versi saja yang telah dirumikan dan diterbitkan dan versi lain masih dalam bentuk manuskrip dan tersimpan dalam arkib dan perpustakaan.<sup>1</sup> Selain dari bahan bertulis, rujukan tentang masyarakat Brunei zaman silam boleh juga didapati menerusi sumber tradisi lisan. Antara jenis sumber ini yang penting dan sudah ditulis dalam bentuk syair ialah *Syair Awang Semaun (SAS)*. Syair ini dipercayai telah ditulis oleh Pehin Siraja

Khatib Abdul Razak bin Hassanuddin pada tahun 1920an. Syair dalam tulisan Jawi mempunyai pelbagai versi kerana ia telah disalin oleh beberapa orang penulis lain. Sungguhpun SAS telah dikaji dan beberapa tulisan telah dihasilkan namun manuskrip SAS yang lengkap belum pernah diterbitkan.<sup>2</sup>

Kekurangan sumber sejarah ini telah menimbulkan masalah dalam mengkaji sejarah masyarakat Brunei tradisional hingga kini. Dengan mengambil kekurangan tersebut di atas, maka artikel ini ditulis secara ringkas untuk memperkenalkan masyarakat Brunei tradisional sebelum abad ke-20 Masihi. Selain itu, ia juga bertujuan untuk melihat dinamika serta hubungan di antara sejarah dengan struktur masyarakat tersebut. Bagi memudahkan perbincangan, artikel ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, pembicaraan ditumpukan pada definisi masyarakat Brunei; bahagian kedua melihat sejarah pembentukannya dan akhirnya perbincangan difokuskan kepada struktur masyarakat tersebut.

### SIAPAKAH MASYARAKAT BRUNEI?

Brunei dihuni oleh berbagai-bagi puak, tujuh di antaranya, adalah puak Brunei, Bisaya, Belait, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong. Puak-puak ini telah diiktiraf oleh Perlembagaan Negeri Brunei 1959 sebagai keturunan Melayu dan puak asli Brunei. Puak-puak lain tidak diakui sebagai keturunan Melayu Brunei kerana mereka dianggap bukan puak asli negara ini. Di antara tujuh puak asli Brunei itu, Brunei merupakan puak yang dominan dan menjadi pemimpin dan pemerintah yang berpengaruh sejak zaman silam lagi. Memang, keturunan raja yang memerintah kerajaan Brunei sehingga ke hari ini, seperti yang dianalisis di bawah, adalah datang dari puak Brunei.

Donald E. Brown yang mengkaji masyarakat Brunei pada akhir tahun 1960an mengatakan: perkataan ‘Brunei’ itu sendiri mengandungi berbagai-bagi makna. Ia boleh jadi sebuah bandar, sebatang sungai, satu bangsa, sebuah daerah, sekelompok masyarakat, sebuah empayar, suatu masa dan, untuk satu ketika, ia juga dikenali sebagai keseluruhan Borneo.<sup>3</sup> Justeru itu, konsep masyarakat Brunei bagi Brown tidak termasuk puak-puak lain atau bangsa-bangsa bukan Brunei (*non-Bruneis*), kecuali puak Sakai, yang tercatat dalam SRB sebagai golongan yang mendiami Kampong Air dan menjadi pengawal kepada raja Brunei. Dewasa ini puak Sakai sudah diasimilasikan dan digolongkan ke dalam puak atau bangsa Brunei yang lebih dominan itu. Identiti mereka yang masih kekal adalah gelaran tradisional yang dianugerahkan oleh sultan kepada ketua puak ini, iaitu gelaran *Pateh* dan *Damong*. Keduanya diberi tugas mengangkat tombak diraja dalam majlis adat berpuspa atau mengangkat Pengiran Muda Mahkota. Brown juga berpendapat bahawa puak-puak lain di bawah takluk Brunei adalah merupakan penduduk sebahagian dari empayar Brunei, tetapi bukan tergolong dalam masyarakat Brunei kerana mereka mempunyai sistem sosial yang berlainan.

Pada pihak lain, Allan Maxwell, yang menumpukan kajiannya kepada puak Kedayan di Daerah Temburong, melihat bahawa puak Kedayan merupakan sebahagian dari masyarakat Brunei kerana kedua-dua puak tersebut mempunyai banyak persamaan dari segi sistem sosial, agama dan bahasa. Bagaimanapun beliau tidak menerima puak-puak lain sebagai sebahagian daripada masyarakat Brunei.<sup>4</sup>

Memang puak Kedayan digambarkan sebagai puak yang mempunyai hubungan dan interaksi yang rapat dengan puak Brunei kerana mereka tinggal di kawasan-kawasan sekitar bandar Brunei. Antara kedua-dua puak ini tidak dapat dipisahkan kerana mereka saling bergantung di antara satu dengan yang lain. Puak Brunei, yang tinggal di bandar Brunei dan bertumpu kepada kehidupan di atas air, sangat bergantung kepada puak Kedayan untuk mendapatkan bahan makanan seperti beras, sago, ubi, sayur-mayur dan keluaran sumber hutan seperti rotan, sarang lebah dan wangi-wangian. Begitu juga dengan bahan-bahan lain sama ada untuk kegunaan sendiri mahupun dieksport dalam kegiatan

mereka. Bagi puak Kedayan pula mereka bergantung kepada puak Brunei untuk mendapatkan sumber laut seperti ikan, kerang dan bahan-bahan import seperti kain, keramik. Kedua-dua puak ini menggunakan sistem pertukaran barang (*barter*) bagi mendapatkan bahan-bahan tersebut dan nampaknya sistem ini terus wujud sehingga awal abad ke-20.

Hubungan yang rapat inilah puak Kedayan lebih awal memeluk agama Islam berbanding dengan puak-puak lain yang tinggal jauh di pedalaman. Seorang informant melaporkan bahawa puak Kedayan berasal dari puak Bisaya. Semasa kecil, beliau pernah mendengar cerita dari datuknya bahawa moyangnya bernama Khatib Hassanuddin sangat berdakwah di kalangan puak Bisaya yang banyak mendiami kawasan Limau Manis di selatan Sungai Brunei. Menurut beliau lagi, orang-orang Bisaya yang diislamkan itu semuanya dikenali sebagai puak Kedayan pada masa ini.<sup>5</sup> Brown pula, yang memetik maklumat daripada salah seorang informant beliau semasa membuat kerja lapangan di Brunei pada akhir tahun 1960an, mengatakan bahawa puak Kedayan berasal dari puak Murut.<sup>6</sup>

Dari sudut pandang sistem sosial yang lebih luas, Victor King bersetuju dengan Maxwell bahawa puak Kedayan merupakan sebahagian dari masyarakat Brunei. Beliau melihat bahawa masyarakat Brunei atau sistem sosial Brunei itu lebih luas dari puak Brunei sahaja dan berpendapat bahawa bangsa-bangsa atau puak-puak lain yang bukan Brunei (*non-Brunei peoples*), termasuk yang berada di wilayah-wilayah berhampiran dengan sempadan Brunei sekarang, adalah sebahagian dari masyarakat Brunei.<sup>7</sup> Menurut King, etnik-ethnik berkenaan juga ikut memainkan peranan dalam masyarakat Brunei. Bagaimanapun peranan mereka agak kecil, di antaranya, termasuklah membayar cukai dan juga menerima gelaran-gelaran tradisional seperti Orang Kaya, Panglima dan Datu. Oleh yang demikian mereka adalah sebahagian daripada sistem stratifikasi di bawah pemerintahan etnik Brunei dan merupakan sebahagian daripada masyarakat Brunei.

Jadi bagi King keahlian masyarakat Brunei itu merangkumi semua puak yang mempunyai interaksi dengan puak Brunei, yang menjadi komponen dominan dalam masyarakat Brunei. Pendapat ini sukar untuk diterima kerana kebanyakan puak-puak yang tinggal di kawasan Teluk Brunei tidak mempunyai interaksi yang rapat dengan puak Brunei dan mereka mempunyai sistem sosial dan bahasa yang berbeza. Jika dilihat hanya dari sejarah puak Kedayan dan Bisaya sahaja memang mereka mempunyai hubungan dan pertalian sosial yang rapat dengan puak Brunei sejak zaman silam. Sementara itu puak Bisaya merangkumi beberapa klasifikasi kumpulan etnik kecil lain seperti Dusun dan Tutong yang mempunyai banyak persamaan budaya dan bahasa.

### PEMBENTUKAN MASYARAKAT BRUNEI

Puak Brunei yang menjadi teras kepada masyarakat Brunei mempunyai sejarah yang panjang. Puak ini telah menubuhkan kerajaan Brunei, yang bangkit dan berjaya menjadi sebuah kerajaan yang dominan di Pulau Borneo dan Kepulauan Filipina pada abad ke-16. Bagaimanapun kekurangan sumber yang relevan telah menjadikan kajian menyusur galur asal-usul puak tersebut tidak mudah. Oleh yang demikian sejauh masa kini tidak lebih hanya dapat mengeluarkan pandangan yang berbentuk teori tentang asal-usul bangsa Brunei.

Dengan menggunakan berbagai-bagi sumber luar seperti Arab dan China, Robert Nicholl mengemukakan satu teori tentang pembentukan kerajaan Brunei awal yang dihubungkannya dengan kejatuhan kerajaan Melayu Funan di Indochina pada akhir abad ke-7. Menurut beliau pada kira-kira dekad Masihi 680an, kerajaan Melayu Funan yang pada suatu masa pernah bangkit menjadi sebuah empayar yang kuat di Alam Melayu telah ditakluk oleh bangsa Khmer. Ekoran dari serangan ini, keluarga diraja Funan bersama

hamba rakyatnya telah melarikan diri ke utara Pulau Borneo di mana mereka mendirikan sebuah kerajaan baru yang disebut dalam sumber Arab sebagai Kamrun. Nicholl berpendapat Kamrun inilah yang kemudian dikenali sebagai Brunei seperti dicatat dalam sumber China sebagai P'o-ni. Beliau percaya bahawa pusat kerajaan Kamrun itu terletak di muara Sungai Lawas dalam kawasan Teluk Brunei dan berpindah ke dalam Sungai Brunei setelah pengislaman rajanya kira-kira pada tahun 1515 Masehi.<sup>8</sup> Jika teori ini diterima puak Brunei yang menjadi dominan itu adalah keturunan dari Melayu Funan. Bagaimanapun sehingga hari ini belum ada bukti-bukti kukuh dijumpai di kawasan sepanjang Sungai Lawas dan sekitarnya yang boleh menjadi petunjuk tentang wujudnya penempatan di zaman silam di kawasan ini. Justeru itu, teori Nicholl yang hanya bersandarkan kepada teks lama Arab dan China ini masih banyak menimbulkan berbagai-bagi persoalan kerana gambaran yang dianalisis berdasarkan sumber-sumber ini masih lagi samar-samar.

Pehin Haji Mohd Jamil Al-Sufri dengan memetik cerita lisan yang terdapat di kalangan masyarakat Brunei telah mengemukakan pandangan, bahawa kerajaan Brunei telah diasaskan oleh keluarga diraja dari kerajaan Pagar Ruyong yang terletak di bahagian barat Sumatera. Pagar Ruyong adalah salah sebuah kerajaan Melayu dalam federasi Minangkabau yang wujud selepas kejatuhan kerajaan Seriwijaya.<sup>9</sup> Sementara itu, Sanib Said pula mengungkapkan pendapat yang lain, tetapi juga merujuk kepada Sumatera. Beliau menyatakan bahawa kerajaan Brunei lama telah ditubuhkan oleh keluarga diraja Seriwijaya di Palembang, Sumatera. Menurut beliau, pada pertengahan abad ke-9 Masihi, kerajaan Seriwijaya telah jatuh ke tangan kerajaan Sailendra yang berpusat di Jawa. Serangan Jawa itu telah menyebabkan keluarga diraja Seriwijaya berpindah ke Jambi dan menubuhkan pusat pemerintahan baru Seriwijaya di sana. Sanib percaya sebahagian dari keluarga tersebut telah berpindah ke Pulau Borneo dan mendirikan kerajaan baru di pulau ini pada pertengahan abad ke-9 Masihi. Kerajaan baru itu juga bernama Seriwijaya atau dikenali sebagai Zabaj, Randj atau Sarbaza dalam sumber Arab dan Po-ni dalam sumber China.<sup>10</sup> Po-ni yang telah diterima sebagai kerajaan Brunei lama mula muncul dalam sumber China pada tahun 860 Masihi. Sanib juga membandingkan beberapa persamaan nama tempat dan bahasa di antara Pulau Sumatera dan Pulau Borneo untuk menguatkan hujahnya tentang hubungan Seriwijaya dan penubuhan kerajaan Brunei lama. Bagaimanapun, sama ada kejatuhan Seriwijaya di Palembang ada hubungannya dengan kemunculan Po-ni yang diterima sebagai Brunei awal itu masih memerlukan kajian susulan dan mendalam untuk mendapatkan bukti-bukti yang lebih kukuh, atau paling tidak penjelasan kesejarahan yang munasabah.

Hubungan puak Brunei dengan penghijrahan dapat juga dilihat dalam sumber Sepanyol abad ke-16, *Boxer Codex*. Menurut sumber ini terdapat dua golongan bangsa di Brunei. Pertama, bangsa "Uisayas" atau Bisaya yang merupakan penduduk asli. Mereka tidak mempunyai agama dan raja tetapi di setiap kampung terdapat beberapa orang penting dan berpengaruh yang dilantik menjadi ketua bagi kumpulan mereka. Bangsa ini mengakui ketuanan raja Brunei dan telah membayar ufti kepada baginda. Mereka mendiami bahagian pedalaman dan menjual hasil tanaman mereka kepada orang Brunei.<sup>11</sup> Bagaimanapun asal-usul bangsa Bisaya ini tidak pula dinyatakan dalam sumber tersebut. Salah satu kajian yang dibuat terhadap puak ini mengaitkannya dengan bahasa Tau Sug (Sulu) dan bahasa Maranao (Mindanao) yang bermaksud 'hamba'. Adakah ini kerana orang Bisaya adalah hamba kepada raja Brunei? Taburan penduduk Bisaya sangat luas dari lembah Sungai Rejang di Sarawak sehingga ke Utara Sabah dan Filipina.<sup>12</sup>

Kedua, adalah golongan Islam yang disebut dalam *Boxer Codex* sebagai 'Borneyes' atau orang Brunei. Menurut sumber Sepanyol, mereka ini adalah golongan pendatang yang berasal dari sebuah bandar atau negeri bernama 'Cauin' yang terletak di wilayah atau kawasan Melayu di sebelah Mekah. Adalah masih tidak diketahui di mana tempat Cauin

itu. Menurut Carroll yang menterjemah manuskrip Sepanyol itu ke dalam bahasa Inggeris, berkemungkinan bandar Cauin itu terletak di kawasan Selat Melaka.<sup>13</sup> Menurut *Boxer Codex* raja Cauin bernama Sultan Yusof bersama rakyat dan hamba baginda telah datang dalam kapal yang banyak dan mendirikan sebuah kerajaan di kawasan Sungai Brunei setelah berjaya mengalahkan bangsa Bisaya dan memaksa mereka membayar ufti.

*Boxer Codex* yang dipercayai ditulis oleh seorang bangsa Sepanyol di Manila pada tahun 1589 Masihi yang memetik cerita lisan masyarakat Brunei pada ketika itu menyatakan, bahawa penghijrahan Sultan Yusof dengan pengikut-pengikut baginda dari Cauin itu berlaku lebih kurang 300 tahun terdahulu.<sup>14</sup> Ini bermakna kedatangan orang Brunei dalam *Boxer Codex* itu berlaku kira-kira pada akhir abad ke-13 Masihi. Pada masa yang sama timbul cerita tradisi di kalangan orang-orang Filipina tentang penghijrahan orang-orang Visayan atau Bisaya yang diketuai oleh Datu Merpati dari Pulau Borneo ke Filipina. Adakah serangan Sultan Yusof terhadap bangsa Bisaya yang terdapat dalam *Boxer Codex* itu telah menyebabkan penghijrahan orang-orang Bisaya beramai-ramai itu? Keturunan orang-orang Bisaya Borneo itu juga terdapat di Kepulauan Bisaya atau Visayan Islands di tengah gugusan Pulau Filipina.

Sekiranya penghijrahan Sultan Yusof itu pada abad ke-13 itu dapat diterima ia juga bermakna bahawa kedatangan Islam ke Brunei lebih awal seratus tahun. Menurut *SRB*, raja Brunei yang pertama memeluk agama Islam bernama Sultan Muhammad<sup>15</sup> dan dalam sumber China pula sultan Brunei yang memerintah pada tahun 1370 Masihi bernama Muhamad Shah. Pehin Haji Mohd Jamil Al-Sufri berpendapat mereka adalah orang yang sama dan pengislaman baginda terjadi pada tahun 1368 Masihi. Bagaimanapun Carroll berpendapat bahawa Sultan Yusof adalah juga Sharif Ali, sultan ketiga seperti yang tersenarai dalam *SRB*. Jika ini diterima Islam telah dibawa ke Brunei oleh Sultan Sharif Ali pada abad ke-15 Masihi atau paling awal pada akhir abad ke-14 Masihi kerana tarikh kemangkatan baginda adalah pada tahun 1432 Masihi seperti yang tercatat di atas sebuah batu nisan yang terletak di Kota Batu kira-kira sembilan kilometer dari Bandar Seri Begawan. Persoalan lain pula muncul, siapa pula Sultan Muhamad dan Sultan Ahmad yang dicatat dalam *SRB* sebagai sultan Brunei yang pertama dan kedua itu? Sehingga ke hari ini belum dijumpai makam mereka.

Jika masalah kronologi dan kedudukan sultan-sultan awal itu diketepikan, secara konsisten timbul idea penghijrahan dan hubungannya dengan asal-usul bangsa Brunei yang menjadi dominan di kawasan utara Pulau Borneo. Cerita mitos penubuhan kerajaan Brunei seperti yang dirakam dalam *SAS* bermula dengan perkahwinan di antara seorang dewa yang turun dari kayangan dalam sebijji telur, dengan empat belas orang perempuan kesemuanya di tempat berasingan di kawasan Teluk Brunei. Perkahwinan itu telah melahirkan empat belas orang putera yang kemudian bertemu untuk menubuhkan sebuah kerajaan di Sungai Brunei. Mereka kemudian menakluk kawasan-kawasan di sepanjang pesisir Pulau Borneo dan pulau-pulau berhampiran dan membina sebuah masyarakat Brunei melalui perkahwinan, misalnya, di antara Raja Alak Betatar dengan Puteri Johor dan peperangan dengan membawa ramai tawanan perang yang dijadikan hamba. *SAS* menceritakan tentang penghijrahan puak Murut ke bandar Brunei setelah kerajaan mereka bernama Berayong yang terletak di daerah Lawas pada masa ini, ditakluk oleh Brunei. Raja mereka bernama Jerambak bersama seluruh rakyatnya telah ditawan dan dibawa ke Brunei dan bermastautin di kawasan Butir di tebing Sungai Brunei.

Kebangkitan Brunei sebagai sebuah pelabuhan yang besar pada abad ke-15 dan 16 telah menarik ramai pendatang, seperti pedagang dan pendakwah. Sumber Sepanyol menyebut tentang kedatangan pedagang-pedagang dari berberapa buah negeri dan rami di antara mereka berkahwin dan menetap di Brunei. Sumber yang sama juga menyebut tentang ramai orang Cina mendiami Kota Batu dan kemudian orang dari Mekah telah datang untuk mengislamkan mereka. *SRB* juga menceritakan tentang bangsa Cina di Kota

Batu yang menjadi hamba rakyat Sultan Sharif Ali pada abad ke-15 yang dikerahkan membina kota batu.<sup>16</sup>

Apabila kerajaan Brunei tertubuh masyarakat Brunei pun terbentuk yang didominasi oleh bangsa Brunei yang berasal dari penghijrahan Sultan Yusof dan pengikut-pengikut baginda. Bangsa yang minoriti itu kemudian membuka keahliannya kepada bangsa dan puak lain yang mengamalkan bahasa dan budaya serta agama Islam. Perlu dicatatkan di sini, sehingga *Undang-Undang Kerakyatan* digubal pada tahun 1961, pengisian lazimnya disebut sebagai ‘masuk Melayu’ atau menjadi orang Melayu. Jadi dengan cara ini ramai di kalangan puak atau bangsa lain menjadi “Melayu” atau diasimilasikan ke dalam puak Melayu Brunei. Dalam konteks Brunei, puak atau bangsa Brunei sinonim dengan bangsa Melayu. Panggilan Melayu terhadap puak atau bangsa Brunei itu berkemungkinan diberikan oleh Inggeris pada abad ke-19 Masihi kerana melihat persamaan dari segi agama, budaya dan bahasa dengan bangsa Melayu di Semenanjung Tanah Melayu yang dikuasai mereka ketika itu. Sebagai masyarakat kuala sungai dan pesisir puak Brunei mudah menerima pengaruh luar terutamanya agama Islam dan budaya serta bahasa Melayu yang menjadi bahasa perdagangan sejak zaman silam lagi. Apabila undang-undang kerakyatan tersebut di atas diperkenalkan kesemua puak yang diterima sebagai puak asli Negeri Brunei, walaupun mereka bukan beragama Islam, diiktiraf sebagai bangsa Melayu.

## STRUKTUR MASYARAKAT BRUNEI

Sebagai puak minoriti, pada hakikatnya puak Brunei perlu membuka keahliannya kepada puak lain untuk *survival*. Bagaimanapun pada masa yang sama ia perlu mengawal kemasukan keahlian baru itu supaya ia tidak kehilangan identiti dan pengaruhnya. Bagi tujuan ini telah diperkenalkan satu sistem stratifikasi yang membahagikan masyarakat Brunei kepada beberapa susun lapis. Yang jelas, semakin tinggi kedudukan tingkat lapisan tersebut, maka semakin tinggi kuasa yang diberikan dan untuk mengawal kuasa itu diketatkan syarat-syarat kemasukan ke dalam lapisan-lapisan yang diberi lebih kuasa itu. Dalam kata lain, susun lapis dalam masyarakat Brunei itu diperkenalkan dan dijaga untuk mengekalkan kuasa dan pengaruh di tangan kumpulan kecil yang memerintah.

Sejak dahulu lagi masyarakat Brunei sudah terbahagi kepada beberapa susun lapis. Pada abad ke-16 terdapat dua lapisan utama masyarakat, iaitu bangsawan (*nobility*) di lapisan atas dan rakyat (*non-nobility*) di lapisan bawah. Setiap tingkat lapisan ini terbahagi lagi kepada beberapa lapisan yang ditentukan oleh keturunan sebelah ayah dan juga kedudukan dalam struktur kerajaan.

Menurut *Boxer Codex*, semua ahli golongan bangsawan atau diraja dipanggil Pengiran. Bagaimanapun dalam golongan tersebut terdapat golongan ‘Pengiran utama’ yang dipanggil ‘raja’.<sup>17</sup> SRB yang ditulis pada abad ke-18 menjelaskan bahawa golongan Pengiran yang menduduki tempat di atas sekali adalah dipanggil Pengiran bertaras. Pengiran utama atau pengiran bertaras ini adalah menandakan bahawa golongan ini adalah kerabat sultan yang memerintah atau keturunan terdekat sultan terdahulu. Pada zaman dahulu golongan ini dipercayai menggunakan gelaran Raja, seperti Raja Bendahara Sakam, adinda Sultan Saiful Rizal (m.1533 – 1581 Masihi), seorang pahlawan Brunei dalam Perang Kastila pada tahun 1578, dan Raja Dungu, puteri baginda. Sementara itu pada abad ke-19 muncul pula gelaran Raja Muda Hashim Pengiran Bendahara yang terlibat dalam perjanjian penyerahan Sarawak kepada James Brooke pada tahun 1841 Masihi, Raja Api dan Raja Nooralam.

Sekarang gelaran raja tidak lagi digunakan tetapi diganti dengan gelaran Pengiran Muda. Seperti juga gelaran Raja gelaran Pengiran Muda ini hanya terhad kepada anak lelaki sultan dan anak lelaki yang gahara Pengiran Perdana Wazir (gelaran yang

diperkenalkan pada tahun 1967 Masihi) dan Pengiran Bendahara dan anak lelaki tua dan gahara Pengiran Digadong. Bagi anak lelaki wazir-wazir lain dipanggil pengiran anak. Begitu juga bagi puteri-puteri sultan dan wazir-wazir serta pengiran-pengiran bertaras yang lain menggunakan gelaran Pengiran Anak. Justeru, kadang-kadang Pengiran bertaras ini dikenali juga sebagai pengiran-pengiran peranan.<sup>18</sup>

Jelaslah dari *Boxer Codex* ini bahawa sultan dan keempat-empat orang pembesar utama yang dipanggil wazir adalah terdiri dari ahli kerabat sultan yang terdekat. Wazir yang bersal dari perkataan Arab yang bermaksud menteri atau orang kanan sultan. Pengiran Bendahara dan Pengiran Temenggong adalah adik sultan, Pengiran Digadong ialah sepupu sultan dan Pengiran Syahbandar adalah adik tiri dari anak gundik sultan.<sup>19</sup> Ini menandakan bahawa pelantikan bagi sultan dan wazir hanya terdiri dari golongan Pengiran utama atau Pengiran bertaras. Walau bagaimanapun mereka juga boleh dilantik sebagai ahli cheteria, iaitu kategori pembesar di bawah wazir. Berkemungkinan cheteria berasal dari perkataan sanskrit iaitu kesateria yang bermaksud perajurit yang gagah berani yang sudah tentu merupakan golongan penting dalam pertahanan kerajaan.

Pengiran yang bukan tergolong dalam Pengiran utama atau bertaras menduduki lapisan tingkat bawah yang dikenali dalam SRB sebagai Pengiran kebanyakan. Pengiran dalam golongan ini merupakan keturunan yang sudah jauh dari jalur kerabat sultan dan mereka menggunakan gelaran pengiran bagi lelaki dan perempuan yang sudah berkahwin. Bagi lelaki yang belum berkahwin menggunakan gelaran Awangku dan perempuan sebagai Dayangku.

Pengiran-Pengiran di bawah kategori ini boleh memegang jawatan cheteria. SRB tidak menyebutkan keramaian cheteria, tetapi P.M. Yusuf menyebut tiga tingkat lapisan iaitu Kepala Cheteria seramai empat orang, Cheteria Besar seramai lapan orang, Cheteria Pengalasan seramai enam belas orang dan Cheteria Damit seramai tiga puluh dua orang.<sup>20</sup> *Boxer Codex* tidak menyebut Pengiran-Pengiran di bawah kategori ini. Bagaimanapun, semasa serangan Sepanyol terhadap Brunei pada tahun 1578 Masihi, disebutkan adanya dua orang pembesar yang memainkan peranan penting dalam peristiwa itu. Mereka ialah Pengiran Seri Laila, bapa saudara Sultan Saiful Rizal yang memerintah ketika itu<sup>21</sup> dan Pengiran Maharaja Diraja;<sup>22</sup> mereka ini dipercayai adalah golongan cheteria.

Satu golongan yang dikategorikan di bawah bangsawan adalah ampuan-ampuan. *Boxer Codex* atau sumber lain yang awal tidak menyebutkan adanya golongan ini. Bagaimanapun SRB yang disalin pada 1936 merekodkan tentang ‘bangsa peampuan’, yang mempunyai peranan khas untuk mengangkat usungan diraja semasa Sultan Jamalul Alam dipuspakan pada tahun 1918.<sup>23</sup> Seorang informan memberitahu bahawa ampuan-ampuan adalah golongan bangsawan yang dipanggil ‘raja-raja peampuan’ dan menurut beliau suatu masa dahulu ramai mereka tinggal di sebuah tempat bernama Kampung Peampuan dan ramai di antara mereka telah mengambil gelaran Pengiran.<sup>24</sup> Bagaimanapun, Brown berpendapat bahawa golongan ampuan lebih merujuk kepada orang-orang yang tinggal di kampung bernama Peampuan dari kelas keturunan.<sup>25</sup>

Golongan bukan bangsawan atau rakyat juga terbahagi kepada beberapa lapisan. Susun lapisan bagi golongan ini adalah lebih rumit untuk ditentukan kerana senarionya kurang jelas. *Boxer Codex* ada menyebut “orang baik, merdeka, lashkar dan orang berkalahi”.<sup>26</sup> Orang baik barangkali boleh ditafsirkan sebagai lapisan di kalangan golongan rakyat yang teratas sekali di mana beberapa jawatan seperti orang kaya dan menteri dilantik. *Boxer Codex* menyebutkan adanya gelaran-gelaran orang kaya yang diertikan sebagai ‘orang utama’ (*the principal man*) dan menteri yang diertikan sebagai ‘ketua’ (*captain*). Terdapat tiga orang pegawai bergelar Orang Kaya Digadong yang mempunyai tugas untuk mentadbir harta benda diraja dan mengutip cukai daripada puak Bisaya dan mereka bertanggungjawab terus kepada Pengiran Digadong. *Boxer Codex* tidak menyatakan berapa orang menteri dan apa peranan mereka ketika itu dan kenapa Orang Kaya

diasingkan daripada menteri. Dalam *SRB* menteri-menteri mempunyai gelaran Orang Kaya dan Orang Kaya Digadong merupakan kepala menteri.

Menurut Brown golongan di mana menteri direkrut adalah dari lapisan yang diistilahkannya sebagai aristokrat untuk membezakan mereka dari golongan Pengiran-Pengiran atau raja-raja dan rakyat biasa. Menurut P.M.Yusuf golongan ini mempunyai beberapa pangkat gelaran iaitu tiga menteri utama, diikuti dengan menteri empat, menteri lapan, menteri enam belas dan menteri tiga puluh dua.<sup>28</sup> Seperti wazir dan cheteria perlantikan menteri disempurnakan dalam satu upacara yang disebut sebagai menyampiri gelaran dengan dibacakan "ciri" yang pada masa dahulu terdiri dari ayat-ayatnya dalam bahasa sanskrit dan pada masa ini dimasukkan pula ayat-ayat dari kitab suci Al-Quran. Tujuannya adalah untuk mensucikan dan meninggikan martabat serta memberi kuasa kepada kepada individu yang disampiri gelaran itu. Bagi menteri yang disampiri gelaran akan membawa gelaran Pehin. Terdapat juga gelaran Pehin tanpa melalui proses upacara seperti disebutkan di atas dan kedudukan mereka dalam kategori ini adalah lebih rendah dari gelaran Pehin yang berciri. Sebenarnya tidak diketahui bila gelaran Pehin mula diperkenalkan kerana sumber awal termasuk *SRB* tidak menyebut tentang gelaran tersebut. Bahkan sumber-sumber Barat abad ke-19 juga tidak pernah mencatatkan istilah ini. Berkemungkinan gelaran Pehin pada mulanya hanya diberikan kepada jawatan-jawatan agama seperti Imam dan Khatib yang kemudiannya digolongkan sebagai Pehin-Pehin Menteri agama dengan memasukkan gelaran baru seperti Pehin Seri Maharaja, Pehin Tuan Imam, Pehin Siraja Khatib dan Pehin Udana Khatib. Berkemungkinan keahlian Pehin-Pehin Menteri agama ini tidak semestinya datangnya dari golongan aristokrat tetapi direkrut berdasarkan lebih kepada ilmu dan kepakaran individu tersebut, kerana terdapat orang asing yang dilantik menjadi imam dan disampiri gelaran seperti Datu Imam Ya'qub yang berasal dari Penderang, Sulawesi pada abad ke-18 Masihi dan Pehin Datu Imam Haji Ahmad yang berasal dari Banjarmasin pada akhir abad ke-19 Masihi. Selain daripada menteri-menteri tersebut terdapat juga jawatan-jawatan dalam istana seperti Jejanang, Penyurat dan Jawatan yang menjalankan tugas-tugas seperti setiausaha dan kerani dalam istilah moden sekarang yang direkrut bukan saja dari golongan aristokrat tetapi juga berkemungkinan dilantik kerana kelayakan masing-masing.

*SRB* mengkategorikan golongan aristokrat kepada dua tingkat lapisan iaitu awang-awang langgar bagi yang tergolong di lapisan atas dan awang-awang damit bagi lapisan bawah. Pembahagian ini sama seperti pembahagian bagi Pengiran-Pengiran kepada kepada lapisan atas adalah golongan utama (*core*) yang sudah tentu mempunyai lebih kuasa dan pengaruh dari lapisan bawah. Golongan aristokrat ini mempunyai gelaran awang bagi lelaki dan dayang bagi perempuan. Dalam *SRB* gelaran awang digunakan oleh Alak Betatar yang kemudian menjadi Sultan Muhammad. Gelaran ini diwarisi turun-turun daripada bapa ke anak. Gelaran awang dan dayang ini hanya digunakan oleh ahli-ahli golongan ini sahaja sehingga pada tahun 1964 apabila kerajaan telah meluaskan gelaran awang dan dayang kepada semua rakyat yang bukan dari golongan Pengiran-Pengiran dan ertiannya sama seperti *Mister* dan *Miss* dalam bahasa Inggeris. Terdapat usaha untuk mengekalkan dan membezakan gelaran awang dan dayang yang diwarisi melalui keturunan dengan bukan keturunan. Misalnya bagi orang yang sudah menuaikan fardhu haji menggunakan *Haji Awang* untuk menandakan keturunan aristokrat tetapi rakyat biasa menggunakan *Awang Haji* dan *Hajah Dayang* dan *Dayang Hajah*.

Orang 'merdeka' dalam *Boxer Codex* boleh ditafsirkan sebagai rakyat yang tidak terkandung dalam golongan aristokrat. Mereka merupakan rakyat kebanyakan atau rakyat biasa yang tidak tergolong di bawah ulun atau hamba. Berkemungkinan mereka ini adalah terdiri dari nakhoda atau orang kaum pendatang yang telah bermastautin atau hamba yang telah dapat menebus dirinya dari perhambaan. Status golongan ini dalam masyarakat tidak

jelas tetapi berkemungkinan ada di antara mereka mempunyai pengaruh yang tinggi seperti nakhoda kerana ekonomi mereka yang lebih baik.

Menurut seorang informan selain dari pembahagian kepada lapisan-lapisan tersebut di atas seluruh penduduk atau rakyat Brunei termasuk Pengiran-Pengiran dibahagikan kepada lima golongan mengikut lapisan keutamaan seperti berikut: hamba Raja, hamba Pengiran Bendahara, hamba Pengiran Digadong dan hamba Pengiran Pemanca dan menurut beliau lagi hamba Raja lebih tinggi statusnya dari hamba Pengiran Bendahara dan hamba Pengiran Bendahara pula lebih tinggi statusnya dari hamba Pengiran Digadong dan seterusnya hingga hamba Pengiran Pemanca. Beliau mengatakan juga pada tahun 1950an masih ramai orang Brunei yang masih berpegang kepada status golongan masing-masing dan selalunya perkahwinan hanya berlaku di antara ahli golongan masing-masing misalnya hamba Raja dengan hamba Raja. Sekiranya ada perkahwinan di luar dari golongan masing-masing hendaklah dikenakan denda dengan membayar sejumlah wang yang dipanggil "tebus bangsa" kepada keluarga yang mempunyai kedudukan status yang lebih tinggi dan jumlahnya ditentukan oleh status golongan berkenaan iaitu lebih tinggi statusnya lebih mahal bayarannya.<sup>29</sup>

Pembahagian seperti ini sama seperti pembahagian kepada hamba kerajaan, hamba kuripan dan hamba tulin seperti yang dicatat dalam sumber Inggeris pada abad ke-19 Masihi. Hamba kerajaan adalah sama dengan hamba Raja dan hamba kuripan adalah hamba kepada wazir-wazir yang empat disebutkan di atas dan manakala hamba tulen adalah hamba Sultan atau wazir-wazir yang dipunyai sebagai hak peribadi yang boleh diturunkan kepada waris masing-masing. Manakala hamba kerajaan dan hamba tulen adalah hak atas jawatan dan dipindah milik kepada penganti masing-masing. Pembahagian rakyat kepada golongan tersebut di atas adalah bertujuan untuk memudahkan pengutipan cukai yang menjadi sumber pendapatan kepada pembesar-pembesar berkenaan dan pada lazimnya pembahagian rakyat itu mengikut pembahagian tanah atau wilayah dengan menggunakan sungai atau anak sungai.

Dalam kajiannya, Brown berpendapat etnik bukan Brunei menduduki tempat di bawah dalam struktur masyarakat Brunei tradisional. Pendapat ini didasarkan beliau kepada hanya jawatan rendah yang diberikan kepada golongan ini. Bagi puak Sakai yang tinggal di Kampong Air diberikan jawatan menteri laut yang membawa gelaran Pateh, Pengarah dan Damong dan bagi puak yang tinggal di darat seperti Kedayan, Bisaya dan Tutong diberikan menteri darat dengan gelaran Orang Kaya. *Boxer Codex* dan *SRB* tidak menyebut tentang kedudukan mahupun gelaran yang diberikan kepada golongan ini. Berkemungkinan jawatan menteri darat hanya diperkenalkan pada awal abad ke-20 Masihi. Bagaimanapun, *SRB* ada menyebutkan beberapa gelaran seperti Datu Patinggi, Datu Bandar dan Datu Temenggong bagi ketua-ketua masyarakat di tanah jajahan Sarawak dan Sadong. Sebenarnya yang jelas, gelaran Pehin tidak pernah diberikan kepada puak bukan Brunei sehingga menjelang pertengahan abad ke-20.

Di peringkat bawah sekali dalam struktur masyarakat Brunei adalah golongan ulun atau hamba. Golongan ini dipercayai sudah wujud sejak penubuhan kerajaan Brunei. *Boxer Codex* menyatakan bahawa Sultan Yusof telah membawa rakyat dan hamba baginda dalam penghijrahan ke Brunei.<sup>30</sup> Dalam menyatakan gelaran-gelaran pada abad ke-16 *Boxer Codex* telah menyebut gelaran 'lascar' atau askar yang dijelaskan sebagai hamba. Ini berkemungkinan bahawa hamba digunakan sebagai askar dalam peperangan. *Boxer Codex* juga menyebut 'oranbarcalai' atau orang berkalahi yang diterangkan sebagai orang malas dan mungkin juga dikategorikan sebagai golongan yang sama dengan golongan hamba.<sup>31</sup> Menurut pengamatan seorang pengembara yang pernah menjelajah kakinya ke Brunei pada pertengahan abad ke-19 Masihi bahawa sebahagian besar penduduk bandar Brunei ketika itu terdiri dari ulun atau hamba.<sup>32</sup>

Terdapat sekurang-kurangnya tiga tingkat lapisan dalam golongan hamba ini. Pertama, ulun pesaka iaitu hamba yang sudah menjadi milik beberapa generasi dalam sebuah keluarga. Hamba seperti ini dipanggil sebagai ‘Anak Amas’ dan menurut adat Brunei generasi ketiga bagi ulun dalam sebuah keluarga menjadikannya berstatus Anak Amas. Menurut seorang informan, hamba seperti ini hanya dapat dijual oleh keluarga yang empunya hamba tersebut dengan persetujuan hamba berkenaan. Selalunya hamba seperti ini diberikan layanan yang baik, dan diberikan kebebasan yang tinggi serta dilayan seperti juga ahli keluarga. Bagaimanapun mereka tidak mendapat sebarang upah bagi sebarang khidmat yang diberikan kepada tuannya, malah mereka bekerja untuk tuannya dan sebarang upah atau pendapatan yang didapat akan diserahkan kepada tuannya.<sup>33</sup>

Hamba yang di tingkat bawah sekali ialah ulun dibeli. Hamba dalam kategori ini tidak ada apa-apa hak dan tidak ada tempat dalam masyarakat dan boleh dijual tanpa persetujuan hamba itu sendiri. Hamba seperti ini sama juga dengan hamba yang ditawan dalam perang atau ditangkap dalam serbuan di pesisiran laut atau pedalaman.

Terdapat satu golongan hamba yang tidak termasuk dalam dua kategori hamba di atas ialah ulun berhutang, iaitu seseorang yang terpaksa menyerahkan dirinya atau ahli keluarganya sebagai hamba kepada orang yang memberi hutang, jika ia tidak dapat menjelaskan hutangnya. Adalah tidak jelas sama ada ahli keluarga yang diserahkan itu hanya berbentuk cagaran sehingga hutang dapat dibayar atau terus menjadi hak pemberi hutang tadi. Selain hutang seseorang boleh juga menjadi hamba apabila dia gagal membayar cukai atau ufti kepada tuan punya sungai atau daerah di mana dia tinggal. Bagi membayar cukai atau ufti yang belum langsai itu seseorang itu akan sama ada menyerahkan dirinya atau ahli keluarganya kepada tuanpunya sungai atau daerah itu sehingga dia atau keluarganya dapat menjelaskan cukai atau ufti berkenaan.

Seseorang ulun atau hamba boleh mendapat kebebasannya atau merdeka dengan membayar wang kepada tuannya. Selain itu seseorang ulun atau hamba itu boleh juga bebas atau merdeka apabila tuannya menaikkan kedudukannya seperti mana yang tercatat dalam SRB seperti berikut:

Bermula adapun adat segala raja<sup>2</sup>, apabila ada hambanya kasehinya akan dikayakkannya, maka disuruhnya membuat negeri, dijadikannya jejanang atau penyurat dagang negeri atau pawang. Apabila ia sudah kaya, maka bicaranya pun baik akan Duli Yang Dipertuan. Maka dijadikan menteri atau hulubalang atau pegawai serta diserahkannya sakai kepada<sup>34</sup>nya.

Kenaikan status kedudukan yang direkodkan oleh sumber tradisi ini pernah berlaku dalam sejarah Brunei abad ke-19 Masihi iaitu apabila Raja Muda Hashim telah menaikkan taraf seorang hambanya dan dilantiknya sebagai Panglima Raja.<sup>35</sup>

Sebenarnya sistem perhambaan tidak pernah dihapuskan secara formal di Brunei. Tetapi apabila Labuan menjadi tanah jajahan British pada tahun 1847 dan wujudnya kerajaan Brooke di Sarawak pada 1841 dan Syarikat Berpiagam British Borneo Utara di Sabah pada 1881, ramai hamba telah melarikan diri dan diberikan perlindungan oleh kerajaan-kerajaan berkenaan. Selain dari itu, para pemilik hamba juga telah secara suka rela membebaskan hamba-hamba mereka. Antaranya ialah Dato Imam Haji Ahmad Al-Banjari (meninggal pada 1906) yang banyak membebaskan hambanya dan beliau juga menasihati orang-orang yang mempunyai hamba supaya mengikuti langkah beliau untuk membebaskan hamba masing-masing.<sup>36</sup> Kemiskinan dan kesempitan hidup yang dihadapi oleh hampir semua orang pada akhir abad ke-19 Masihi dan awal abad ke-20 juga memaksa ramai orang-orang yang mempunyai hamba untuk membebaskan hamba mereka kerana tidak dapat menanggung hamba mereka itu. Selepas Perang Jepun sistem perhambaan sudah tidak wujud lagi di Brunei.

## PENUTUP

Sistem sosial Masyarakat Brunei tradisional dicorakkan oleh sejarah pembentukannya. Berdasarkan teori beberapa orang sarjana, puak Brunei sebagai bangsa pendatang yang berjumlah kecil dan yang kemudiannya menjadi masyarakat dominan, telah mencipta satu sistem sosial yang bertujuan untuk mempertahankan kuasa dan pengaruhnya. Justeru itu, masyarakat telah dibagikan kepada beberapa tingkat lapisan dengan setiap lapisan mempunyai peranan dan bidang masing-masing. Lapisan atas yang terdiri dari golongan pemerintah mempunyai sistem yang jelas dan ketat dalam keahliannya supaya tidak mendatangkan komplikasi. Bagi lapisan-lapisan di bawah yang terdiri dari golongan rakyat juga mempunyai sistem berlapis-lapis, walaupun agak kabur dan kerananya kemasukan atau mobilitinya dari satu tingkat ke tingkat lain dapat berlaku lebih mudah. Sebenarnya dalam struktur masyarakat yang dicipta itu, rakyat adalah berperanan untuk mendukung lapisan di atas. Dengan pengaruh modernisasi sejak awal abad ke-20 tingkat lapisan masyarakat tidak lagi begitu penting, kecuali di peringkat kerabat diraja. Pendidikan moden telah mengubah corak kehidupan dan keperluan yang menjadikan kedudukan dalam pekerjaan menjadi lebih penting dalam struktur masyarakat Brunei masa kini.

## NOTA-NOTA

- <sup>1</sup> *Papers Relating to Brunei*, with an introduction by Cheah Boon Kheng, Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society Reprints no. 18 (1998), p. 1.
- <sup>2</sup> Lihat Mohd Yusop Damit, “Syair Awang Semaun Sebagai Sumber Sejarah”, *Berita*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam, Bil. 63, April – Jun 1999, ms 32 - 44.
- <sup>3</sup> Donald E. Brown, *Brunei: The Structure and History of A Bornean Malay Sultanate*. Brunei Museum: Brunei, 1970, ms 76.
- <sup>4</sup> Allan R. Maxwell, *Urang Darat: An Ethnographic Study of the Kadayan of Labu Valley*. [PhD Thesis, Yale University, 1980].
- <sup>5</sup> Temubual dengan Dato Paduka Pengarah Awang Haji Othman bin Abdul Kadir. Beliau lahir pada tahun, 1918.
- <sup>6</sup> Brown, *Brunei: The Structure and History of A Bornean Malay Sultanate*.
- <sup>7</sup> Victor T. King, “What is Brunei Society? Reflections on Conceptual and Ethnographic Issues”, *South East Asia Journal*, 2.2, 1994, ms. 177-178.
- <sup>8</sup> Robert Nicholl, “Brunei Rediscovered: A Survey of Early Times”, *Brunei Museum Journal* 4.4, 1980, ms 219-222.
- <sup>9</sup> Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Haji Awang Muhammad Jamil A-Sufri, *Tarsilah Brunei, Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*, Brunei: Jabatan Pusat Sejarah, 1990, ms .37.
- <sup>10</sup> Sanib Said, “Pembentukan Kerajaan Brunei Lama: Teori Penghijrahan dari Sumatera”, *Jurnal Darussalam*, Bil. 1., 1992, ms. 91-92.
- <sup>11</sup> John S. Carroll, “Berunai in the Boxer Codex”, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 55, Part 2, 1982, ms. 3.
- <sup>12</sup> Mustaffa bin Omar, “Bisaya: Suatu Tinjauan Ringkas”, *Brunei Museum Journal*, 8:17, 1993, ms. 18-19.
- <sup>13</sup> Carroll, “Berunai in the Boxer Codex”, ms. 4.
- <sup>14</sup> Ibid.
- <sup>15</sup> *Papers Relating to Brunei*, ms. 56.
- <sup>16</sup> Amin Sweeney, *Silsilah Raja-Raja Brunei – Text of Manuscript A*, dalam *Papers Relating to Brunei*, ms 56.
- <sup>17</sup> Carroll, “Berunai in the Boxer Codex”, ms. 5, 11 and 12.
- <sup>18</sup> P. M. Yusuf, “Adat Istiadat Diraja Brunei Darussalam”, *Brunei Museum Journal*, Vol. 3, 1975. ms. 46.
- <sup>19</sup> Carroll, “Berunai in the Boxer Codex”, ms. 6.
- <sup>20</sup> Ibid. ms. 47-50.
- <sup>21</sup> D. E. Brown, “Spanish Accounts of Their Expeditions Against Brunei 1578 – 1579”, *Brunei Museum Journal*, 3:2, 1974, ms. 196.
- <sup>22</sup> Ibid. ms. 198.

- <sup>23</sup> Amin Sweeney, "Silsilah Raja-Raja Berunai" Text of Manuscript B", dalam *Papers Relating to Brunei*, ms. 125.
- <sup>24</sup> Temubual dengan Dato Paduka Pengarah Haji Awang Othman bin Abdul Kadir.
- <sup>25</sup> Brown, *Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate*, ms. 14.
- <sup>26</sup> Carroll, "Berunai in the Boxer Codex", ms. 11-12.
- <sup>27</sup> Ibid. ms. 11.
- <sup>28</sup> P. M. Yusuf, "Adat Istiadat Diraja Brunei Darussalam", ms. 52-57.
- <sup>29</sup> Temubual dengan Dato Paduka Pengarah Haji Awang Othman bin Abdul Kadir.
- <sup>30</sup> Carroll, "Berunai in the Boxer Codex", ms. 4.
- <sup>31</sup> Ibid. ms. 12.
- <sup>32</sup> Brown, *Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate*, ms. 19.
- <sup>33</sup> Temubual dengan Dato Paduka Pengarah Haji Awang Othman bin Abdul Kadir.
- <sup>34</sup> Amin Sweeney, "Silsilah Raja-Raja Berunai Text of Manuscript B'", ms. 73.
- <sup>35</sup> Brown, *Brunei: The Structure and History of A Bornean Malay Sultanate*, ms. 18.
- <sup>36</sup> Temubual dengan Dato Paduka Pengarah Haji Awang Othman bin Abdul.

## RUJUKAN

- Abd Hamid bin Jaludin, (1995/1996). *Syair Awang Semaun Sebagai Epik Bangsa Melayu*. Tesis Sarjana Sastera, Universiti Malaya.
- Brown, D. E. (1970). *Brunei: The Structure and History of A Bornean Malay Sultanate*. Monograph of the Brunei Museum Journal, vol. II no. 2.
- Carroll, J. S. (1982). Berunai in the Boxer Codex. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 55 (Part 2 no. 243): 1-25.
- King, V. (1994). What is Brunei Society? Reflections on conceptual and ethnographic issues. *South East Asia Journal*, 2(2): 176 - 198.
- Maxwell, A. R. (1980). *Urang Darat: An Ethnographic Study of the Kadayan of Labu Valley*. Tesis Ph. D., Yale University.
- Mohd Yusop Damit (1999). Syair Awang Semaun Sebagai Sumber Sejarah. *Beriga*, 63: 32-44.
- Mustapa bin Omar (1993) . Bisaya: Suatu Tinjauan Ringkas. *Brunei Museum Journal*, 8: 17-28.
- Nicholl, R. (1980). Brunei Rediscovered: A Survey of Early Times. *Brunei Museum Journal*, 4(4): 219-237.
- Papers Relating to Brunei* with an introduction by Cheah Boon Kheng (1998), *Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society Reprints No. 18*.
- P. M. Yusuf (1975). Adat Istiadat Diraja Brunei Darussalam. *Brunei Museum Journal*, 3(3): 43-108.
- Sanib Said (1992). Pembentukan Kerajaan Brunei Lama: Teori Penghijrahan dari Sumatera. *Jurnal Darussalam*, 1: 91-92.